

29/09/2003

Cara bayar bonus diumumkan November

ROMPIN: Kerajaan akan mengumumkan kaedah pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kira-kira 950,000 kakitangan awam menjelang Aidilfitri pada November ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis, berkata pembayaran bonus mengambil kira dua faktor penting, iaitu persiapan menyambut Aidilfitri dan pembukaan sesi persekolahan yang baru.

"Tarikh pembayaran sebenar akan diputuskan tidak lama lagi yang dijangka menjelang Ramadan.

"Dalam menentukan kaedahnya, faktor menyambut bulan puasa dan persiapan keluarga menyiapkan persekolahan anak akan diambilkira," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian penutup pertandingan memancing GP Joran Berita Harian 2003 peringkat negeri Pahang, di Lanjut Golden Beach Resort, dekat sini semalam.

Dalam Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, lebih 950,000 kakitangan awam akan menikmati pembayaran bonus setengah bulan gaji akhir tahun ini.

Ditanya sama ada kerajaan akan membuat bayaran sekali gus, Jamaluddin berkata ia akan diputuskan dalam masa terdekat.

Katanya, kerajaan juga akan mengambil kira kadar pembayaran bonus seperti yang dibuat sebelum ini, iaitu kadar minimum RM600 atau setengah bulan gaji.

Majlis perasmian penutupan yang dilakukan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob itu turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Kebudayaan, Pelancongan dan Hal Ehwah Wanita, Datuk Maznah Mazlan; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tioman, Datuk Mustafar Abu Bakar; Adun Bukit Ibam, Datuk Hasan Arifin; dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Hishamuddin Aun.